

Bab 2

PENDIDIKAN ISLAM DALAM MASYARAKAT MELAYU MELAKA PADA KURUN KE-15 DAN KURUN KE-19

Sejarah Kedatangan Islam ke Alam Melayu

Bagi kebanyakan ahli sejarah terutamanya ahli sejarah barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku dalam kurun ke-13 Masihi. Mereka mengemukakan bukti-bukti seperti batu nisan, catatan dan laporan. Jika diteliti catatan sejarah Cina, pada zaman Dinasti Yuan, satu rombongan diplomatik Melayu telah mengunjungi Istana Yuan (Monggol) pada tahun 1281 Masihi. Rombongan tersebut diketuai oleh dua orang Islam. Menurut Fatimi (1963 : 10), kedua-dua utusan tersebut datang ke Istana Yuan pada tahun 1282 Masihi dari Su-Mu-Ta (Samudera) bernama Hassan dan Sulaiman.

Menurut laporan Marco Polo, pengembara Venice yang singgah di Perlak dalam perjalanan pulang dari istana Kublai Khan pada tahun 1292 Masihi, terdapat banyak pedagang Islam di Perlak dan mereka telah menyebarkan Islam kepada penduduk tempatan. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan terjumpanya beberapa buah batu nisan Raja-raja Islam di Sumatera. Ini termasuklah batu nisan Sultan Malik al-Salih yang bertarikh 1297 Masihi. Baginda adalah Raja Sumatera yang pertama memeluk Islam. Menurut Ibnu Battutah, iaitu seorang pengembara Islam dari Maghribi yang singgah sebanyak dua kali ke Sumatera dalam perjalanannya pergi dan balik dari China pada tahun 1345 Masihi, Raja Sumatera beragama Islam dan mengikut mazhab Shafie. Raja tersebut ialah Malik al-Zahir, anak kepada Malik al-Salih. De Jong, seorang ahli

sejarah pula berpendapat bahawa Islam telah bertapak di Pasai sejak sebelum kedatangan Marco Polo ke negeri tersebut pada tahun 1292 Masihi .(Fatimi, 1963 : 10)

Berdasarkan catatan-catatan, batu-batu nisan, batu bersurat dan laporan beberapa orang pengembara yang melawat daerah tersebut, kebanyakannya ahli sejarah barat bersetuju bahawa Islam datang ke alam Melayu sekitar kurun ke-13 Masihi. Seterusnya, mereka membuat andaian bahawa kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu pula berlaku pada kurun ke-15 Masihi. Mereka mengatakan bahawa Melaka merupakan tempat yang mula-mula menerima Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Ahli sejarah tempatan pula berpendapat bahawa Islam telah datang ke Alam Melayu termasuklah Semenanjung Tanah Melayu sejak sebelum kurun ke-13 Masihi. Menurut Dr. Wan Hussein @ Azmi bin Abdul Kadir, Islam telah bertapak di Tanah Melayu sejak pertengahan kurun ke-7 Masihi. Agama Islam dibawa oleh saudagar-saudagar Arab yang turut berperanan sebagai mubaligh Islam. Menurutnya lagi, hubungan perdagangan antara Tanah Arab dan kepulauan Melayu telah wujud sebelum itu lagi. Ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan bahawa dalam sebuah catatan lama Cina, terdapat sebuah kerajaan di kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Ta-Shi. Kerajaan tersebut mengadakan hubungan diplomasi dengan negara China sekitar tahun 650-655 Masihi. Ta-Shi merupakan panggilan orang Cina kepada orang Islam di kepulauan Melayu pada pertengahan kurun ke-7 Masihi. (Wan Hussein @ Azmi, 1989: 8, Huzaimah Ismail, 1997 : 114-115)

Dalam seminar ‘Sejarah Kedatangan Islam ke Indonesia’ pada 17-20 Mac 1963, ahli sejarah dari seluruh Indonesia telah menggariskan satu resolusi iaitu Islam telah bertapak di Indonesia pada abad pertama Hijrah. (bersamaan abad ke-7 atau ke-8 Masihi) Terdapat bukti-bukti yang kukuh bahawa Islam dibawa ke Indonesia dari

Tanah Arab. Daerah pertama yang menerima Islam ialah pesisir Sumatera. Raja Islam yang pertama pula ialah Raja Acheh.(Wan Hussein@Azmi, 1989:8-9).

Apabila diteliti fakta sejarah, jelas bahawa Islam telah mula diterima oleh masyarakat Melayu di beberapa kawasan pesisiran selat Melaka. Sebagai contoh, masyarakat Melayu Sumatera telah menerima Islam sejak tahun 674 Masihi, sementara masyarakat Melayu di Semenanjung pula menerima Islam sejak tahun 878 Masihi.

Pendapat sarjana barat yang mengatakan bahawa Islam bertapak di Tanah Melayu, iaitu di Melaka pada abad ke-15 Masihi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang menyeluruh dan jelas. Ini termasuklah kekuatan politik yang lebih mantap, penerimaan Islam secara menyeluruh oleh pihak istana, pembesar-pembesar serta rakyat jelata.

Dari segi politik, Melaka merupakan sebuah empayar terkuat di rantau ini pada abad ke-15 Masihi dan mempunyai jajahan takluk yang luas termasuklah Johor, Pahang, Kedah, Inderagiri, Jambi dan Kampar. Ini memudahkan Melaka untuk menyebarluaskan Islam kepada jajahan takluknya. Selain dari itu, pengislaman Raja Melaka dapat mempengaruhi pembesar-pembesar serta rakyat jelata untuk turut menganut Islam. Pihak istana bukan sahaja menyebarluaskan agama Islam, tetapi juga mengisinya dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Oleh itu, terdapat banyak pusat pendidikan Islam termasuklah rumah, masjid, surau dan istana, walaupun secara tidak formal di seluruh negeri Melaka. Mungkin kerana faktor-faktor inilah yang menyebabkan sarjana Barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Tanah Melayu, bermula dari Melaka, iaitu pada kurun ke-15 Masihi. (Abdullah Ishak, 1995: 124-126)

Pendidikan dalam Peradaban Melayu amat berkait rapat dengan kedatangan Islam ke kepulauan Melayu. Oleh itu, perlu diteliti peringkat kedatangan Islam ke Alam Melayu yang terbahagi kepada dua peringkat:

1. Fasa awal (878-1390an Masihi). Pada peringkat ini, agama Islam diterima oleh golongan diraja dan bangsawan kemudian diikuti oleh rakyat. Pada masa ini, ilmu farduan diberi penekanan. (Khadijah Zon dan M. Khalid Taib, 1995:1935)
2. Fasa kedua (1400-1700 Masihi). Peringkat ini merupakan peringkat pengukuhan dalam proses penyebaran Islam di Alam Melayu. Pada peringkat ini, berlaku pelbagai kegiatan dakwah dan pembelajaran yang meluas. Pelbagai kegiatan ilmu agama diperkenalkan termasuklah ilmu Tasawuf, ilmu Aqli dan Naqli. Pada masa ini juga, muncul kumpulan-kumpulan tarekat. (Khadijah Zon dan M. Khalid Taib, 1995:1935)

Dalam membincangkan kedatangan Islam ke Alam Melayu, banyak pendapat yang dikemukakan dengan memberikan beberapa bukti untuk mengukuhkan pendapat tersebut. Seorang pengkaji Belanda bernama Pijnappel (iaitu profesor pengajian Melayu yang pertama di Universiti Leiden), mengemukakan pendapat bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu oleh orang-orang Arab bermazhab Shafei dari Gujerat dan Malabar. Ini kerana tempat-tempat tersebut sering disebut dalam buku-buku sejarah kepulauan Melayu. (Ismail Hamid, 1985:17)

Pada tahun 1912 Masihi, Moquette membuat penemuan penting apabila beliau mendapati bahawa terdapat persamaan antara batu-batu nisan di Pasai yang bertarikh 28 September (bersamaan 17 Zulhijjah) dengan batu nisan di kubur Maulana Malik Ibrahim di Gresik, Jawa dan batu-batu nisan di Cambay, pelabuhan Gujerat. Ekoran

daripada penemuan tersebut, Moquette berpendapat bahawa pengeluaran batu nisan di Gujerat bukan sahaja untuk kegunaan tempatan, tetapi juga dieksport ke luar negara terutamanya ke Sumatera dan Jawa. Daripada bukti tersebut, kesimpulan dibuat bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu dari Gujerat, India. (Amran Kasimin, 1995 :154, Ismail Hamid, 1985:18)

T.W. Arnold pula menegaskan bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu dari Koromandel dan Malabar, India. Alasan yang dikemukakan ialah terdapat persamaan mazhab antara kedua-dua tempat tersebut. Ibnu Battutah juga mengakui perkara ini.

Brian Harrison juga bersetuju dengan teori yang mengatakan Islam dibawa ke Alam Melayu dari India. Beliau mengatakan bahawa India pada masa silam menyebarkan pengaruh kebudayaan dan agama kepada penduduk-penduduk di Asia Tenggara. Pada mulanya, India menyebarkan agama Hindu dan Buddha ke Alam Melayu. Apabila Islam diperkenalkan ke India, sekali lagi India memainkan peranan menyebarkan Islam ke Alam Melayu. (Ismail Hamid, 1985:19)

Walaupun G.E. Morrison mengatakan bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu dari India, tetapi beliau menolak teori yang mengatakan Islam dibawa ke Alam Melayu dari Gujerat. Beliau mengemukakan alasan bahawa, sewaktu proses Islamisasi berlaku di Sumatera, Pasai dan kewafatan raja Muslimnya yang pertama (Malik al-Salih) dicatatkan sebagai tahun 1197 Masihi, Gujerat pada ketika itu masih merupakan sebuah kerajaan Hindu. Sehingga tahun 1297 Masihi, barulah Cambay jatuh ke tangan Islam. Dari semua kawasan persisiran India, hanya Bengal yang berjaya ditawan oleh orang Islam sejak awal abad ke-13 Masihi, dan negeri inilah yang mengembangkan Islam hingga ke Alam Melayu. Ini disokong oleh kenyataan bahawa kebanyakan orang Islam

di Semenanjung Tanah Melayu menganut mazhab Shafie, sebagaimana penduduk-penduduk di pantai Koromandel dan Malabar. Oleh yang demikian, Morrison mengemukakan teori bahawa Islam dibawa dari pantai Koromandel, India. (Amran Kasimin, 1995 :156, Ismail Hamid, 1985:19-20)

Terdapat juga teori yang mengatakan Islam dibawa ke Alam Melayu dari Arab. Keyzers (seorang sarjana undang-undang Islam dari Belanda) berpendapat bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu dari Mesir. Alasannya ialah Mesir mempunyai hubungan yang baik dengan negeri-negeri di kepulauan Melayu. Teori ini disokong oleh Niemann dan De Hollander. (Ismail Hamid, 1985 : 20)

John Crawfurd mengemukakan teori bahawa pendakwah-pendakwah Islam dari Arab memainkan peranan menyebarkan Islam di Alam Melayu. Beliau memberi alasan bahawa orang-orang Arab mempunyai angkatan laut yang kuat sehingga dapat belayar ke negeri-negeri sebelah Timur. (Ismail Hamid, 1985:20)

Menurut S.M.N. Al-Attas, teori Moquette tentang batu-batu nisan di Pasai dan Gresik yang mempunyai persamaan dengan batu-batu nisan di Gujerat tidak semestinya menunjukkan bahawa Islam dibawa ke Alam Melayu dari Gujerat. Batu nisan dan barang-barang keperluan bagi penduduk daerah ini memang diimport dari India memandangkan jarak kepulauan Melayu lebih dekat dengan India berbanding negari Arab. Menurut Fatimi (1963 : 32-33), batu nisan Malik al-Salih sebenarnya berbeza daripada batu nisan Gujerat. S.M.N. al-Attas seterusnya mengatakan bahawa untuk mengetahui dari mana datangnya Islam, haruslah dikaji fakta ‘dalaman’, maklumat bertulis serta kesannya terhadap bahasa dan kebudayaan masyarakat Melayu. (Ismail Hamid, 1985:20-21)

Jika diteliti sumber tulisan tradisional Islam, jelas bahawa kesusasteraan keagamaan di kepulauan Melayu tidak dikaitkan langsung dengan cendekiawan India atau buku-buku yang berasal dari India. S.M.N. al-Attas menjelaskan bahawa penulis-penulis yang dikatakan merupakan ‘orang India’ sebenarnya, adalah orang Arab. Selain itu, ulama-ulama yang datang ke Nusantara merupakan orang Arab atau Arab-Parsi, dengan melihat nama-nama dan gelaran-gelaran mereka. Menurut catatan sejarah, Islam dibawa ke Pasai oleh dua orang Arab iaitu Syarif Syeik Ismail dan Faqir Muhammad.(Ismail Hamid, 1985:21)


Bahasa Melayu juga banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab, termasuklah kata-kata perbuatan, nama dan rangkaian kata stilistiknya. Bahasa Arab dibawa ke kepulauan Melayu bersama-sama dengan agama Islam. Tatabahasa Arab banyak mempengaruhi tatabahasa Melayu. Terlalu banyak perkataan Arab yang telah diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu termasuklah istilah keagamaan, teologi, falsafah, kesusasteraan dan kebudayaan. Perkara ini telah meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai satu bahasa moden dan tersebar ke seluruh kepulauan Melayu-Indonesia. Tulisan Jawi juga membuktikan pengaruh tulisan Arab terhadap tulisan Melayu. (Al-Attas, 1972 : 21, 42-43)

Dengan ini jelas menunjukkan sumbangan orang Arab dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sumbangan ini dianggap sebagai unsur dalaman sebagaimana yang dikatakan oleh S.M.N. al-Attas akibat hubungan orang Arab dengan masyarakat Melayu. Namun, ada pendapat yang mengatakan sesetengah orang Arab menetap di India (samada di Gujerat atau Koromandel) sebelum berhijrah ke kepulauan Melayu.

Pengaruh Islam dalam Pendidikan Tradisional Melayu

Setelah kedatangan Islam ke kepulauan Melayu, corak pemikiran masyarakat Melayu telah berubah daripada pemikiran yang banyak dipengaruhi oleh alam mitos berunsur Hindu kepada corak pemikiran yang lebih rasional. Penyebaran Islam telah memberi semangat baru kepada masyarakat Melayu untuk memperoleh dan seterusnya menyebarkan ilmu pengetahuan. Abdullah Ishak (1995 : 126) menyatakan bahawa menurut ajaran Islam, agama dan ilmu mempunyai kaitan rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh itu, serentak dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu, maka berlaku pertumbuhan serta perkembangan pendidikannya. Penerimaan Islam oleh masyarakat Melayu telah mempengaruhi sejarah perkembangan pendidikan yang berteraskan agama Islam. Islam membawa bersamanya keamanan, ilmu pengetahuan, kepandaian menulis dan membaca, keadilan sosial dan peradaban.

Kewujudan kegiatan pendidikan dalam Peradaban Melayu dapat dibuktikan dengan wujudnya perkataan-perkataan tertentu. Misalnya, perkataan ilmu yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu sebenarnya berasal dari perkataan Arab ('ilm) yang bererti pengetahuan. Perkataan 'ilm merupakan kata jadian dari 'alima, ya'lam-u. Dari perkataan tersebut, terbit pula perkataan seperti 'ilm-un, ma'lum-un dan 'alim-un. Ketiga-tiga perkataan tersebut setelah diMelayukan, maka wujudlah perkataan ilmu, maklum dan alim-ulama. Perkataan 'ilm juga ada kaitan dengan perkataan 'alm yang bermaksud tanda (*sign*). Perkataan ta'allama bermaksud mempelajari, lantaran itu, 'alim atau 'allama membawa maksud tahu. Dalam bahasa Arab, perkataan 'ilm lawannya ialah *jahil* iaitu tidak mengetahui. Perkataan-perkataan lain (yang berasal dari bahasa Arab) yang ada hubungkait dengan ilmu pengetahuan termasuklah faham, kalam, dakwat, ilmu, hikmat, madrasah, kitab, ustaz, kertas dan



PETA 5 Empayar Melaka Pada Kurun ke-15

Sumber: DBP, 1987, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur;DBP, hal. 18

seumpamanya.(Abdul Rahman Rukaini, 1980 : 194). Oleh itu, pendidikan dalam peradaban Melayu jelas dipengaruhi antara lain oleh peradaban Islam yang dalam sejarahnya dibawa ke sini oleh pedagang-pedagang Arab, Parsi dan India sejak pertengahan kurun ke-7 Masihi.

Menurut Mohd. Taib Osman (1983 : 52), salah satu warisan yang diberi oleh peradaban Islam ialah tradisi pengetahuan. Pusat-pusat bandar yang telah menerima kedatangan Islam berfungsi bukan sekadar pusat perdagangan, tetapi juga pusat pengajian Islam. Tradisi ini hidup dan mengalami evolusi dengan wujudnya institusi pondok, pesantren, madrasah dan universiti-universiti.

Pendidikan Islam Pada Zaman Kegemilangan Melaka

Pada peringkat permulaan kedatangan Islam ke Alam Melayu, sistem pendidikan secara tidak formal diperkenalkan kepada masyarakat Melayu. Ini termasuklah kelas mengaji al-Quran, pengajian agama di masjid, surau, istana dan rumah tuk guru. Kemudian, barulah pengajian agama berbentuk formal diperkenalkan di Alam Melayu dengan kelahiran institusi pondok, madrasah, sekolah agama rakyat, sekolah agama kerajaan dan Kolej Islam.¹

Sebenarnya tidak dapat dipastikan dengan tepat pola dan corak pendidikan Islam di Alam Melayu secara tidak formal dari kurun ke-15 Masihi hingga kurun ke-18 Masihi. Namun, kita dapat merujuk kepada kegiatan pendidikan Islam di Melaka menerusi buku **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Abdullah**. Melaka pada zaman

¹Pendidikan Pengajian pondok akan dibincangkan secara terperinci dalam bab 3, institusi madrasah dalam bab, 4, sekolah agama dan kolej Islam dalam bab 6.

kegemilangannya merupakan pusat pengajian Islam yang terkemuka di kepulauan Melayu. Pendidikan Islam di Melaka dapat dilihat pada:

1. Zaman Kegemilangan Melaka pada kurun ke-15 Masihi.
2. Masa Abdullah Munshi iaitu kurun ke-18 Masihi.

Sejak kedatangan Islam ke Melaka pada kurun ke-15 Masihi, ajaran Islam tersebar kepada masyarakat Melaka termasuklah golongan bangsawan dan rakyat jelata. Oleh itu, terdapat pelbagai institusi pengajian di Melaka termasuklah rumah, masjid, surau dan juga istana. Sultan-sultan Melaka amat berminat dengan ilmu pengetahuan agama sehingga menjadikan istana-istana sebagai tempat pengajian di samping berperanan mengeluarkan hasil-hasil sastera yang sebahagian besarnya masih wujud sehingga kini. Bagi golongan rakyat biasa pula, mereka mendirikan masjid dan surau untuk dijadikan pusat pengajian agama selain berfungsi sebagai rumah ibadat.(Abdullah Ishak, 1995:126, 129, 130)

Institusi-institusi seperti rumah, istana, masjid dan surau memainkan peranan penting dalam pengajian Islam di Melaka. Antara Sultan-sultan Melaka yang begitu berminat dengan ilmu pengetahuan sehingga menjadikan istana mereka sebagai pusat pengajian ialah Sultan Iskandar Syah, Muhammad Syah, Mansur Syah, Mahmmud Syah dan Alauddin Riayat Syah.

Sultan Mansur Syah (1456-1477) menaruh minat mendalam terhadap buku-buku agama. Dalam buku **Sejarah Melayu**, ada catatan mengenai sebuah kitab Tasawuf karangan Maulana Abu Ishaq dari Makkah berjudul **Durrul Manzum** telah dikirim ke Melaka bersama seorang ulama terkenal, iaitu Maulana Abu Bakar. Sultan Mansur Syah

menaruh minat mendalam terhadap kitab tersebut. Apabila kitab tersebut sampai di Melaka, Sultan memerintahkan supaya kitab itu diarak hingga ke balairung. Setelah tamat mempelajari kitab tersebut, baginda mengirimkannya pula kepada Tun Makhdum Muda di Pasai.

Sultan Mahmud Syah pula amat teliti dengan sesuatu persoalan agama. Baginda telah menghantar Orang Kaya Tun Muhammad ke Pasai untuk mendapatkan penjelasan tentang kedudukan seorang yang mengatakan bahawa Allah SWT itu menjadikan dan memberi rezeki pada azali dan juga mereka yang mengatakan Allah SWT tidak menjadikan dan tidak memberikan rezeki pada azali. Adakah kedua-dua golongan itu dikatakan kafir? Persoalan ini telah dijawab oleh Tun Hassan. (Samad Ahmad, 2000, 156-158, 247-249).

Oleh kerana masyarakat Melaka secara keseluruhannya amat berminat terhadap ilmu agama, maka banyaklah guru-guru agama yang datang ke Melaka untuk mengajar ilmu. Antara ulama asing yang terdapat di Melaka ialah Saiyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadi Yusuf, Qadi Menus, Maulana Sadar Johan, Maulana Jalaluddin dan Qadi Menawar Syah. (Abdullah Ishak, 1995 : 188) Ulama-ulama ini menjalankan dakwah secara bersungguh-sungguh tanpa mengambil-kira kepentingan sendiri. Mereka juga sanggup mengorbankan harta bagi menjayakan penyebaran Islam. Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat pengajian, mereka menjadikan rumah-rumah mereka sebagai tempat belajar agama. Berkat kesungguhan mereka, golongan ulama tersebut telah berjaya menyebarkan ajaran Islam kepada golongan istana dan juga rakyat biasa. Perkara ini juga berjaya menjadikan Melaka sebagai pusat pengajian Islam yang terulung di Alam Melayu dan banyak pelajar dari negeri-negeri jiran datang belajar di Melaka. (Abdullah Ishak, 1995:127, 131)

Dengan kerjasama semua pihak termasuklah ulama, mubaligh, ahli sufi, pihak istana, pembesar serta rakyat jelata, maka Melaka telah menjadi pusat pendidikan Islam yang terulung di rantau ini. Kemudian, ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam telah berkembang ke negeri Johor, Pahang, Jambi, Kampar, Bangkalis, Bentan dan tempat-tempat lain di Alam Melayu.

Pendidikan Islam Pada Masa Abdullah Munshi

Pendidikan formal pada zaman kanak-kanak hampir dilalui oleh setiap individu. Sistem pendidikan tersebut merupakan sistem pendidikan belajar mengaji al-Quran dengan betul serta mempelajari prinsip-prinsip agama Islam termasuk menghafal doa-doа serta belajar mengenai tingkah laku yang baik.(Shahril @ Charil Marzuki, 1994:36) Biasanya, kanak-kanak yang berumur antara enam hingga sepuluh tahun dihantar belajar di kelas Quran yang dikelolakan oleh Imam sesebuah kampung supaya dapat menjadi seorang Islam yang baik. Kelas-kelas tersebut biasanya dijalankan di surau atau masjid. (Sufean Hussin, 1996:206, Abdullah Ishak, 1990:168) Dalam pendidikan ini juga, tulisan Jawi yang merupakan tulisan rasmi masyarakat Melayu diajar kepada kanak-kanak.(Ramlah Adam, 1991:50-51, Abu Zahari Abu Bakar, 1984:6-7) Ada juga anak-anak yang tinggal di rumah Pak Lebai untuk tujuan yang sama. Biasanya, murid-murid dibekalkan oleh ibu bapa masing-masing dengan sehelai tikar, sebuah bantal, sebuah periuk dan seguni beras. Cara pembelajaran mereka dijelaskan oleh catatan berikut:

Tiap-tiap hari tiga waktu pelajaran diberikan. Tiap-tiap waktu memakan masa satu jam-satu waktu sesudah sembahyang Subuh, satu waktu sesudah sembahyang Zohor dan satu waktu lagi sesudah sembahyang Maghrib. Pada masa-masa lain, murid-murid menolong gurunya membuat kerja-kerja rumah serta bekerja di sawah dan berkebun.

Seseorang murid itu mula belajar dengan mengulangi surah-surah untuk memulakan dan menamatkan bacaan Quran. Apabila surah-surah ini telah mahir dihafal, barulah ia mula mempelajari huruf-huruf Jawi sebagai panduan untuk membaca Quran. Melalui penghafalan serta kemahiran mengenal huruf, seseorang murid itu akan dapat membaca Quran serta surah-surah untuk membolehkan ia mendirikan sembahyang. (Wilkinson, 1957:47 dipetik oleh Abu Zahari Abu Bakar, 1984:6-7)

Menurut catatan Abdullah Munshi, pembacaan, penulisan dan pengajian al-Quran diberi penekanan pada peringkat awal pengajian. Abdullah Munshi seterusnya menceritakan bahawa neneknya merupakan seorang guru terkenal di Kampung Pali. Neneknya mengajar al-Quran kepada kanak-kanak di Melaka dan murid-muridnya terdiri daripada lelaki dan perempuan berjumlah 200 orang (iaitu hampir keseluruhan kanak-kanak di Melaka). (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:19) Setelah tamat pengajian al-Quran, murid-murid diajar pula asas-asas agama seperti ilmu Fikah, Tauhid, Tasawuf dan Sejarah Islam. Abdullah Munshi sendiri mengalami proses yang hampir sama. Pada peringkat awal, beliau hanya mempelajari al-Quran dari neneknya. Kemudian, beliau dihantar pula kepada seorang guru al-Quran yang mengajarnya membaca al-Quran serta menulis pelajaran agama di dalam bahasa Arab. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915: 21-22)

Pada zaman silam, ibu bapa menyerahkan anak-anak untuk dididik oleh guru. Proses penyerahan itu berlaku dalam suasana yang begitu menarik dan penuh dengan peraturan serta perjanjian antara ibu bapa dan guru. Menurut satu catatan:

Maka datanglah ibu atau bapa budak yang akan mengaji itu dahulu menyembah guru itu, serta membawakan sirih sa-cherana, dan pengangan sa-dulang, bersama-sama dengan budak yang hendak mengaji itu; serta ibu bapanya itu berkata “tuan atau encik, saya pinta dua perkara sahaja, pertama-tama biji mata budak ini dan kedua kakitangannya jangan dipatahkan; maka lain daripada itu encik punya suka”. Maka disuruhnya

anaknya itu menyembah kaki gurunya, kemudian baharulah dibacakan oleh guru itu doa selamat, maka segala pengangan itu pun dibahagikanlah kepada budak-budak dan wangnya diambil oleh gurunya itu, dan bunga chendana semuanya dibahagikan. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:30-31)

Semasa proses menuntut ilmu, disiplin amat diberikan penekanan. Pelbagai hukuman dikenakan kepada murid-murid yang malas, nakal, ingkar dan selalu ponteng kelas mengaji. Pada masa tersebut, denda dan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Apit Cina merupakan alat hukuman yang dikenakan kepada murid-murid yang suka mencuri atau memukul kawannya di tempat mengaji, Kayu Palat pula untuk mereka yang ponteng, suka memanjat pokok atau menendang kawan-kawannya. Rantai Besi biasanya digunakan untuk merantai murid-murid yang lari dari kelas mengaji, ingkar kepada ibubapa dan lambat menguasai pelajarannya. Singgang pula dikenakan kepada mereka yang nakal dan sering berbantah iaitu disuruh memegang kedua-dua telinganya dengan bersilang dan disuruh berdiri dan duduk tanpa berhenti. Murid-murid yang selalu melawan, sering ponteng dan suka mencuri akan diikat tangannya ke palang tanpa berjejak kaki. Mereka yang suka memaki orang digosokkan mulutnya dengan lada Cina. Pelajar yang sangat jahat dan suka lari akan dipukul buntutnya dengan rotan. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:28-30, Ramlah Adam, 1997:53)

Guru-guru pada masa silam bersungguh-sungguh mengajar ilmu kepada anak-anak murid. Mereka bersikap begitu tegas semasa mengajar demi untuk memastikan murid-murid mendapat ilmu pengetahuan yang banyak. Perkara ini digambarkan oleh Abdullah Munshi dalam petikan berikut:

'Beberapa banyak kena pukul dan tampar dan beberapa papan loh yang pecah-pecah dihempaskan oleh guruku di kepalaiku dan beberapa rotan pecah-pecah ditubuhku, dan beberapa kali ditangisi oleh bondaku akan daku sebab banyak kena pukul itu; maka barangkali jari-jariku sampai bengkak kena pukul sebab menulis salah itu' (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915: 22)

Pengetahuan membaca al-Quran dan menulis Jawi merupakan pendidikan asas kepada masyarakat Melayu tradisi dan berfungsi untuk mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak telah mempunyai pengetahuan asas sebagai seorang Islam. Apabila telah tamat mengaji al-Quran, kanak-kanak akan melalui upacara berkhatam al-Quran dan bersunat sebagai memenuhi tuntutan agama Islam. Menurut Nabir Haji Abdullah (1976:8), sedikit kenduri biasanya diadakan oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut. Kenduri tersebut dihadiri oleh guru serta rakan sepengajian dan mereka selalunya dihidangkan dengan pulut kuning berlaukkan telur. Menurut Abdullah, keluarganya telah mengadakan untuknya upacara yang penuh adat-istiadat seperti berkhatam, berarak dengan motokar pada hari ketiga upacara tersebut diadakan dan kemudiannya berinai. Semasa majlis berkhatam al-Quran, Abdullah dikehendaki memperdengarkan bacaan al-Quran seterusnya menjawab beberapa soalan yang dikemukakan berkaitan dengan bacaan tersebut sehingga mereka berpuas hati dengan kebolehannya. Setelah itu, satu persalinan dan sedikit wang diberikan kepada guru al-Quran yang mengajar Abdullah. Guru tersebut juga diminta menghalalkan segala ajarannya kepada Abdullah. Kemudian, bacaan doa selamat diadakan untuk memohon keberkatan dari Allah SWT . Abdullah pula diinaikan seperti pengantin. Selepas bersunat, Abdullah terpaksa berkurung selama sebulan. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915: 33, Ramlah Adam, 1997:54)

Masyarakat Melayu pada masa silam sekadar memberikan anak-anak mereka pendidikan asas, iaitu mengaji al-Quran dan menulis Jawi. Perkara ini berlarutan beberapa lama sebelum timbulnya kesedaran untuk meningkatkan mutu pendidikan mereka. Masyarakat Melayu mula menyedari bahawa pendidikan bukan hanya terbatas kepada pendidikan asas semasa kanak-kanak tetapi juga pendidikan untuk golongan dewasa. Ini kerana adanya golongan dewasa yang berminat mendalami pengajian Islam. Menurut Nabir bin Haji Abdullah (1976:8), kanak-kanak biasanya mengikuti pengajian pada sebelah pagi dan kadang kala pada waktu petang. Sementara itu, orang-orang dewasa yang berminat menambahkan amal ibadat serta mendalami pengajian agama seperti ilmu Tafsir dan Hadith akan datang ke kelas pada petang atau malam hari. Mereka selalunya diajar oleh bilal, imam atau ulama kampung.

Di Melaka, keadaan yang sama berlaku berikutan kedatangan seorang ulama dari Yaman bernama Mualim Muhyiddin yang sangat mahir dalam bacaan al-Quran berserta hukum Tajwid. Banyak pelajar-pelajar yang terdiri daripada orang-orang dewasa datang berguru dengannya. Menurut Abdullah, beliau bersama rakan-rakannya yang berjumlah antara empat puluh hingga lima puluh orang telah berguru dengan Mualim itu selama setahun. Menurutnya lagi, beliau telah mendapat ilmu yang banyak dari pengajian tersebut terutamanya ilmu tentang pembacaan al-Quran menurut hukum tajwid yang betul. Bermula dari situ, Melaka mula terkenal dalam pengajian al-Quran. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:51)

Menurut catatan Abdullah, pengajian ilmu-ilmu Islam di Melaka juga telah berkembang sejak kedatangan Sayid Shaikh bin Alwi dari Tanah Arab. Abdullah bersama-sama dengan lebih kurang lima hingga enam puluh orang pelajar lain telah

berguru dengan Sayid Shaikh yang merupakan seorang guru yang terkenal dan dapat menghuraikan persoalan agama dengan baik. Walaupun beliau mengenakan bayaran pengajian sebanyak lima ringgit, namun perkara ini tidak menghalang masyarakat Melaka termasuk golongan dewasa untuk menimba ilmu pengetahuan darinya.(Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:52-53)

Menurut Abdullah lagi, kitab pertama yang mereka pelajari ialah **Ummu'l-barahin**, yang menerangkan tentang kemuliaan, kekayaan, sifat dan zat Allah SWT . Dengan itu, diharapkan agar manusia menginsafi kekerdilan dan kelemahan diri mereka. Kitab kedua pula ialah **Kitab Fakih** (Fikah) yang membincangkan mengenai peraturan ibadat seperti sembahyang, puasa dan sebagainya. Di samping itu, guru tersebut juga mengajar kitab-kitab agama yang ditulis dalam bahasa Melayu. Pelajaran bersama Sayid Syaikh berlarutan selama setahun. Pengajaran dengan guru tersebut telah mencelikkan mata masyarakat Melaka yang selama ini agak jahil tentang agama Islam. Ternyata pendidikan Islam tersebut berjaya meningkatkan pemahaman serta mengukuhkan keimanan masyarakat Melaka pada masa tersebut.(Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:53)

Kesimpulan

Memang tidak dapat disangkal kenyataan yang mengatakan bahawa Islam telah membawa pengaruh besar dalam sistem pendidikan masyarakat Melayu tradisional. Pada peringkat awalnya, Islam memperkenalkan pendidikan secara tidak formal, yang berbentuk pengajian-pengajian agama yang djalankan di surau, masjid, rumah tuan guru dan istana. Pendidikan tersebut diberikan untuk semua lapisan masyarakat meliputi semua peringkat umur, termasuk golongan pemerintah dan rakyat biasa, kanak-kanak

dan orang-orang dewasa. Temyata bahawa pendidikan Islam pada masa ini berjaya mengubah minda masyarakat Melayu yang sebelum ini dipengaruhi oleh animisme dan kepercayaan Hindu-Buddha.